

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, langkah-langkah yang dijalankan untuk mendapatkan data-data kajian dijelaskan. Di antara perkara-perkara yang diuraikan ialah sampel kajian, reka bentuk kajian yang meliputi soal selidik dan instrumen kajian serta prosedur kajian.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kaedah analisis kesilapan yang dikemukakan oleh Jack C. Richards, Pit Corder dan Larry Selinker. Sarjana-sarjana bahasa ini berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam pembelajaran bahasa, terutamanya bahasa kedua, adalah pengaruh daripada bahasa pertama dan juga proses pembelajaran bahasa kedua itu sendiri. Ini masing-masing dipanggil pengaruh interlingual dan pengaruh intralingual.

Bagi memproses maklumat dan dapatan yang diperoleh, analisis data dibuat secara deskriptif dengan menggunakan kaedah perangkaan. Melalui dapatan dan analisis ini sejauh manakah tahap penguasaan kata kerja transitif dan tak transitif di kalangan pelajar-pelajar tahun 2 Ambang Asuhan Jepun (AAJ) yang dipilih sebagai bahan kajian kes ini dapat diketahui.

3.2 Sampel

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun dua Rancangan Persediaan Khas ke Jepun, Ampang Asuhan Jepun, Universiti Malaya bagi sesi Mei 2002/2004. Seramai 40 orang daripada 160 orang pelajar dipilih secara rawak untuk mewakili keseluruhan sampel bagi menjawab kertas soalan. Kesemua sampel adalah pelajar-pelajar Melayu. Daripada segi pecahan jantina pula, seramai 22 orang pelajar terdiri daripada pelajar lelaki dan 18 daripada mereka adalah pelajar perempuan.

Kesemua sampel ini berusia 19 tahun dan sedang mengikuti pengajian dalam aliran sains. Mereka sedang menjalani kursus intensif selama 2 tahun sebagai persediaan untuk melanjutkan pelajaran ke universiti di Jepun. Bahasa pertuturan utama kesemua sampel adalah bahasa Melayu. Selain daripada bahasa Melayu, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang dipelajari di sekolah. Sebahagian besar sampel tidak mempunyai pengalaman mempelajari bahasa asing. Bagaimanapun, 15 orang daripada sampel pernah menjalani pengajian bahasa Arab ketika di peringkat sekolah rendah.

Kurikulum bahasa Jepun AAJ merupakan kurikulum 2 tahun, dengan bilangan waktu sebanyak 984 jam. Ketika soal selidik ini dijalankan sampel telah menjalani pengajian bahasa Jepun selama 835 jam. Di peringkat tahun pertama, isi kandungan kurikulum meliputi tahap *elementary* sementara di peringkat tahun kedua, isi kandungan merangkumi tahap *intermediate* dan bahagian pertengahan tahap *advance*.

Di peringkat tahun pertama, bahasa Jepun menjadi mata pelajaran teras dengan jumlah bilangan waktu sebanyak 20 jam seminggu di samping mengikuti kelas mata pelajaran sains dan bahasa Inggeris. Pada peringkat ini, bahasa pengantar yang digunakan untuk mata pelajaran sains adalah bahasa Melayu. Tenaga pengajar bagi mata pelajaran bahasa Jepun terdiri daripada 80% pensyarah natif Jepun.

Di peringkat tahun dua, bilangan jam bagi mata pelajaran bahasa Jepun dikurangkan kepada 11 jam seminggu dan tumpuan diberikan kepada mata pelajaran sains yang menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar. Semua tenaga pengajar pada peringkat tahun dua terdiri daripada 100% pensyarah natif Jepun.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah tinjauan menerusi soal selidik dan ujian. Bab 1 hingga bab 3 kajian ini adalah berdasarkan kaedah kepustakaan. Bahan-bahan rujukan seperti buku-buku, jurnal bahasa, majalah, kertas-kertas seminar konvensyen bahasa, bahan berkaitan dengan bidang kajian di internet dirujuk untuk memperoleh maklumat. Bab 4 menggunakan kaedah tinjauan. Justeru itu, maklumat-maklumat yang diperoleh daripada sampel adalah melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Maklumat tentang latar belakang umum pelajar-pelajar diperolehi melalui soal selidik. Soalan-soalan pada soal selidik adalah dalam bentuk soalan tertutup. Soalan-soalan berkenaan meliputi maklumat individu, minat serta persepsi mereka terhadap mata pelajaran bahasa Jepun, amnya, dan aspek tatabahasa, khususnya berkaitan dengan aspek kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun ketika mereka mempelajari bahasa berkenaan.


Satu set soalan ujian tentang kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun dirangka bagi meninjau tahap penguasaan pelajar-pelajar. Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada ujian berkenaan, satu analisis data dijalankan.

3.4 Prosedur Kajian

Prosedur kajian dijalankan mengikut peringkat-peringkat seperti di bawah:

- (a) Membina soal selidik dan soalan ujian
- (b) Mengelola soal selidik dan ujian
- (c) Menganalisis data dan menginterpretasi data
- (d) Membuat rumusan

Carta aliran di bawah menggambarkan proses prosedur kajian yang telah dijalankan.



3.4.1 Instrumen

Satu set soal selidik dan satu set soalan ujian disediakan untuk tujuan kajian ini.

Maklumat yang terkandung dalam soalan soal selidik adalah mengenai nama, jantina, pencapaian peperiksaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam SPM, pengalaman mempelajari bahasa asing semasa di sekolah, minat mereka terhadap mata pelajaran bahasa Jepun, kekerapan mereka menggunakan bahasa Jepun di luar kelas bahasa Jepun, bahan bacaan tambahan yang digunakan, penggunaan kamus dan persepsi mereka tentang aspek tatabahasa bahasa Jepun khususnya aspek kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun.

Soalan ujian terdiri daripada soalan objektif yang berkaitan dengan aspek kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun. Ujian ini dirangka bagi meninjau tahap

penguasaan pelajar-pelajar dan ianya amat berguna kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang kesilapan dalam penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif. Pelajar diwajibkan menjawab kesemua soalan yang dikemukakan.

Ujian ini mengandungi 40 soalan objektif berkaitan dengan penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun. Kata kerja transitif dan tak transitif yang digunakan dalam ujian ini dipilih berdasarkan senarai kosa kata dalam Peperiksaan Kecekapan Bahasa Jepun (*Japanese Language Proficiency Test*). Kata kerja transitif dan tak transitif dikategorikan mengikut pendekatan nahu Teramura (1975) dan pecahan bilangan soalan adalah seperti di bawah:-

JADUAL 6: Jenis-jenis kata kerja dan bilangan soalan

Bil.	Jenis-jenis kata kerja (transitif dan tak transitif)	Bilangan soalan
1.	-aru : -corak X i. -aru : -eru ii. -aru : -u	4 4
2.	-reru : -corak X i. -reru : -su ii. -reru : -ru	4 4
3.	-corak X : -corak su i. -ru : -su ii. -eru : -asu iii. -u : -asu iv. -iru : -osu	4 4 4 4
4.	lain-lain i. -u : -eru ii. -eru : -u	4 4
Jumlah soalan		40

3.4.2 Pengumpulan Data

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak pentadbiran Ambang Asuhan Jepun, UM untuk menjalankan kajian ke atas pelajar-pelajar tersebut. Soal selidik ini ditadbirkan oleh seorang pendaftar, seorang penolong pendaftar Ambang Asuhan Jepun dan pengkaji sendiri. Ujian dan kajian soal selidik dijalankan pada hari yang sama iaitu pada 5 September 2003 di Dewan Peperiksaan, Universiti Malaya.

Pengendalian kajian ini dimulakan dengan sampel menjawab soal selidik dan diikuti dengan kertas soalan ujian. Ujian berkenaan dijalankan dalam tempoh masa 40 minit.

3.4.3 Kaedah Menganalisis Data Dan Menginterpretasi Data

Kesilapan bahasa merupakan satu fenomena biasa yang dialami oleh setiap individu dalam proses pembelajaran formal sesuatu bahasa. Justeru itu, adalah penting bagi seorang penyelidik untuk menganalisis kesilapan secara sistematik dan menginterpretasikan data berkenaan agar ia dapat memanfaatkan proses pembelajaran sesuatu bahasa.

Langkah-langkah yang diambil untuk menganalisis data adalah berdasarkan kepada prosedur yang dicadangkan oleh Pit Corder dalam artikel *Idiosyncratic Dialects and Error Analysis* (Corder dalam Richards, 1974:158-171) yang dibahagikan kepada

tiga peringkat. Tiga peringkat yang dimaksudkan ialah:

1. Mengenal pasti kesilapan
2. Mengklasifikasi kesilapan
3. Menjelaskan kesilapan

1. Mengenal pasti kesilapan

Pengkaji menyemak kertas ujian objektif dan pemarkahan dibuat berdasarkan peratus kekerapan kesilapan bagi setiap soalan. Daripada perolehan peratus markah tersebut, pengkaji mengenal pasti kesilapan penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif.

2. Mengklasifikasi kesilapan

Pengkaji menggunakan maklumat-maklumat yang diperolehi dan mengklasifikasi kesilapan yang didapati pada sampel. Maklumat-maklumat mentah ini dianalisis dan disusun mengikut aspek-aspek seperti di bawah:

- (a) peratus kesilapan secara keseluruhan
- (b) peratus kekerapan kesilapan bagi setiap soalan
- (c) klasifikasi kesilapan mengikut kategori kata kerja transitif dan tak transitif

3. Menjelaskan kesilapan

Penjelasan dibuat bagi setiap soalan yang mendapat peratus kekerapan yang tinggi. Selain daripada itu, huraian dibuat tentang jenis kesilapan kata kerja transitif dan tak transitif dan punca berlaku kesilapan tersebut. Kesilapan kata kerja tersebut mungkin disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda (interlingual) atau kesilapan yang disebabkan oleh bahasa sasaran itu sendiri (intralingual).

Pengkaji menginterpretasikan kesilapan intralingual berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Richards (1971) iaitu dengan mengenal pasti punca-punca kesilapan berbahasa melalui empat faktor.

- i. Generalisasi melampau (over-generalization)
- ii. Kejahilan tentang peraturan bahasa (ignorance of rules restrictions)
- iii. Penggunaan peraturan bahasa yang tidak sempurna (incomplete application of rules)
- iv. Membuat andaian konsep yang salah (false concept hypothesis)

3.5 Penutup

Bab ini menerangkan proses dan prosedur kajian yang dijalankan, kandungan soal selidik dan kandungan soalan ujian. Tiga langkah telah diambil untuk menganalisis data iaitu mengenal pasti kesilapan, mengklasifikasi kesilapan dan menjelaskan kesilapan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan menghuraikan data yang diperolehi

dan berdasarkan huraian dapatan tersebut, jenis-jenis kesilapan dan punca-punca kesilapan akan dijelaskan.